

ULASAN BUKU / BOOK REVIEW

The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia oleh Muhammed Abdul Khalid

(MPH Group Publishing/ 31 Ogos 2014/ ISBN: 9674152148)

Madeline Berma

“Kehidupan ini seimbang, Tuan. Barangsiapa hanya memandang pada keceriannya saja, dia orang gila. Barangsiapa memandang pada penderitaannya saja, dia sakit”. Ungkapan ini oleh sasterawan dan cendekiakawan tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, dalam bukunya Anak Semua Bangsa (hal 99) mengingatkan kita bahawa penulis perlu menghasilkan karya yang seimbang. Penulis juga perlu mempunyai keberanian untuk mempersembahkan idea baru dan melontarkan fikiran berlandaskan hasil kajian mendalam. Muhammed Abdul Khalid dalam bukunya “The Colors of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth” telah berusaha untuk menulis dan memberi pandangan yang seimbang dan berani mengenai topik yang sering mengundang kontroversi: dasar afirmatif Kerajaan, khususnya Dasar Ekonomi Baru. Buku ini membicarakan secara kritis, dan disulami data terkini mengenai dasar kerajaan dan kesannya dari segi ketaksamaan dan kemiskinan di Malaysia.

Buku ini dibahagikan kepada enam bab. Bab-bab awal memberi penerangan terperinci tentang kefahaman dan pentingnya kajian mengenai ketaksamarataan, khususnya dalam konteks Malaysia. Seterusnya buku ini memberi gambaran mengenai sejarah ekonomi Malaysia, dan latarbelakang pelaksanaan dasar afirmatif. Bab ini sangat penting kerana ia memberi satu analisis daripada perspektif jangkamasa. Analisis ini lazim digunakan dalam penulisan dan kajian mengenai pembangunan ekonomi Malaysia. Kajian dan analisis dilakukan mengikut jangkamasa pembangunan pra-penjajahan (sebelum tahun 1957), jangkamasa awal kemerdekaan (1957-1970), jangkamasa pelaksanaan dasar afirmatif (1971-2012). Analisis ini digunakan oleh penulis, selari dengan pelaksanaan dasar mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang I, II dan III. Bab seterusnya membincangkan tentang topik yang amat mencabar daripada segi pengumpulan data, iaitu pemilikan aset. Penulis juga telah membincangkan punca kelompong dan ketaksamarataan dengan menggunakan analisis kuantitatif. Buku ini juga membincangkan masa depan serta mengemukakan cadangan dasar.

Sebagai penyelidik kemiskinan di Malaysia, saya mendapati buku ini amat penting kerana ia membangkitkan semula minat mengenai dasar afirmatif dan kesesuaiannya di Malaysia pada masa hadapan. Banyak yang telah ditulis mengenai dasar afirmatif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Dasar

Wawasan Negara (DWN), namun penerbitan berasaskan kajian mendalam mengenai hubungan dasar afirmatif, ketaksamarataan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia, masih kurang. Kajian-kajian lepas lebih cenderung membincangkan hubungan antara pertumbuhan ekonomi dan pembasmian kemiskinan. Penerbitan dan kajian mengenai hubungan antara agihan, ketaksamarataan, kelas, pendapatan dan kekayaan adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Di Malaysia, kajian-kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada keberkesanan tindakan afirmatif terutamanya DEB daripada segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Fokusnya lebih kepada impak DEB terhadap kaum Melayu (lihat Osman-Rani, Ishak Shari, Ragayah Zin, Chamuri Siwar dan Firdaus Abdullah). Begitu juga tulisan Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman (2005) yang mengkaji kesan Dasar Ekonomi Baru kepada pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu menggunakan analisis sosio-politik. Tulisan mengenai kesan dasar afirmatif terhadap kaum Cina dan multinasional, telah dilakukan oleh Jesudason (1993) dan Mohd. Ainuddin Iskandar (2012). Hwok-Aun Lee (2012) pula mengkaji mengenai kesan tindakan afirmatif ke atas pendidikan dan pekerjaan di Malaysia sejak 1990an.

Muhammed, dalam bukunya telah memfokus kepada dasar afirmatif dan etnisiti. Beliau membincangkan secara kritis pencapaian Malaysia dari segi pertumbuhan ekonomi, kemiskinan dan ketaksamarataan. Malaysia telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, dan keadaan ini merupakan salah satu faktor utama menyebabkan insiden kemiskinan menurun. Dari segi agihan, Malaysia masih belum berjaya mencapai sasarannya, walaupun dasar afirmatif telah dilaksanakan dengan gigihnya semenjak tahun 1971 dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Penulis telah menganalisis pemilikan kekayaan dan agihan kekayaan mengikut etnik di Malaysia. Analisis ini amat dihargai dalam kalangan para penyelidik kerana data mengenai pemilikan aset dan kekayaan adalah kompleks dan amat sukar untuk diperolehi. Tulisan Muhammed ini adalah pelengkap kepada tulisan dan kajian ekonomi politik mengenai pemilikan kekayaan dan ekuiti korporat yang dilakukan oleh Gomez dan Jomo (1999), Gomez (2003, 2004), serta Gomez dan Ghee (2006). Muhammed dalam Bab Tiga memberi fokus kepada pengagihan dari segi pendapatan dan kekayaan. Analisis kedua-dua aspek ini menarik, kerana sebelum ini, tumpuan lebih



diberikan kepada agihan pendapatan. Agihan kekayaan jarang dilakukan. Dengan melakukan kedua-dua analisis agihan pendapatan dan kekayaan, penulis telah berjaya memperluaskan ufuk ilmu mengenai agihan dan ketaksamarataan di Malaysia. Kedua-dua analisis ini memberi gambaran yang lebih realistik dari segi agihan dan ketaksamarataan, kerana analisis mengambil kira trend dan perubahan yang berlaku dalam jangkamasa 10 tahun. Penulis telah melakukan analisis statistik mudah dengan mengukur min dan median komposisi kekayaan mengikut jenis aset dan etnik. Keputusan kajian ini penting kerana ia memberi maklumat dan data yang sebelum ini sukar diakses oleh umum. Hasil kajian membuktikan secara statistik perbezaan signifikan dari segi pemilikan aset antara Bumiputera, Cina dan India. Kaum Cina, memiliki 2,135 kali lebih aset kewangan berbanding dengan kaum Bumiputera. Kajian beliau juga menunjukkan 20 peratus kaum Cina yang dibawah memiliki kekayaan yang sama banyak dengan kekayaan 40 peratus kaum Bumiputera yang dibawah. Bermakna orang Cina yang miskin tidak jauh berbeza dengan purata kaum Bumiputera (ms.121). Selain daripada menganalisis ketaksamarataan antara kaum, penulis telah memperluaskan analisis mengenai ketaksamarataan dengan membandingkan intra-kaum. Muhammed menggunakan hasil ujian ketaksamarataan Gini untuk membuktikan secara ilmiah ketaksamarataan antara kaum. Beliau menggunakan *Theil Index* untuk membuktikan ketaksamarataan “dalam kumpulan” dan “antara kumpulan”. Keputusan *Theil Index* menunjukkan bahawa lebih 90 peratus daripada ketaksamarataan dalam agihan aset kewangan berpunca daripada perbezaan dalam kumpulan (atau kaum etnik).

Untuk memperkukuhkan lagi perbincangan, penulis telah melakukan analisis ekonometrik dengan menggunakan “kekayaan” sebagai variabel bersandar (*dependent variable*). Sebelum ini, majoriti daripada kajian menggunakan “pendapatan” sebagai variabel bersandar. Satu fakta yang memeranjatkan umum, apabila hasil kajian Muhammed menunjukkan bahawa 90 peratus rakyat Malaysia memiliki tabungan yang sangat kecil, 0.2 peratus penabung di Amanah Saham Bumiputera memiliki 1,133 kali lebih banyak daripada 80 peratus penabung paling bawah. Penulis telah mengemukakan beberapa cadangan dasar untuk menghadapi cabaran daripada ketaksamarataan, iaitu dasar berasaskan aset, percukaian dan undang-undang anti-diskriminasi.

Satu kekurangan yang ketara dalam buku ini adalah kurangnya penekanan diberikan kepada ketaksamarataan daripada segi (a) gender, dan (b) wilayah. Hasil kajian pasti amat berbeza sekiranya analisis dilakukan terhadap isirumah yang diketuai oleh wanita berbanding dengan lelaki. Begitu juga daripada segi wilayah. Didapati wujud ketaksamarataan dari segi wilayah di Malaysia. Disamping itu, penulis seperti juga majoriti penyelidik di Malaysia, mengelompokan kaum Bumiputera seolah-olah mereka adalah homogen: mereka adalah Melayu. Usaha perlu dilakukan untuk membezakan ketaksamarataan

dan kemiskinan antara kaum Bumiputera Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kurangnya analisis daripada perspektif Sabah dan Sarawak ini disebabkan oleh kesukaran mendapatkan data daripada kedua-dua buah negeri ini. Kajian mengenai ketaksamarataan di Malaysia akan lebih bermakna, relevan dan mempunyai implikasi dasar kuat sekiranya elemen gender dan wilayah ini diberi perhatian sewajarnya.

Didapati analisis dan fakta yang dipersembahkan dalam buku ini berbeza dengan tulisan pengkaji tahun 1980an dan 1990an seperti Ishak Shari, Ragayah Mat Zin, Osman Rani, Jomo Sundaram, Terrence Gomez dan Chamhuri Siwar. Perbezaan yang ketara dilihat pada analisis yang dilakukan. Dalam buku ini, penulis telah berusaha memperluaskan debat dan perbincangan oleh penulis awal dengan menganalisis kedua-dua ketaksetaraan mendatar dan menegak. Majoriti daripada kajian dan penulisan sebelum ini memfokus kepada ketaksetaraan mendatar, iaitu inter-kaum (antara kaum Melayu, Cina dan India). Penulis juga telah menganalisis ketaksetaraan intra-kaum. Analisis agihan intra-kaum ini amat bertepatan memandangkan ramai yang melihat dasar afirmatif sebagai punca perluasan jurang antara yang kaya dan miskin, serta kesannya terhadap perpaduan kaum dan kesepaduan sosial di Malaysia.

Berbeza dengan penyelidik sebelum ini yang kesemuanya ahli akademik, Muhammed mempunyai latarbelakang yang pelbagai. Buku ini ditulis hasil daripada kajian tesis Ijazah Kedoktoran (Ph.D) penulis, dan pengalamannya yang luas sebagai penyelidik di institusi pengajian tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ketua Bahagian Ekonomi untuk sebuah regulator pasaran modal, serta sebagai penganalisis kanan di *Institute of Strategic and International Studies* (ISIS). Analisis dalam buku ini juga dicorak oleh latarbelakang pendidikan penulis di institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat dan Perancis. Muhammed, melalui buku ini, telah membuka laluan untuk umum dan penyelidik bukan akademik untuk membincangkan secara kritis kesan dan masa depan dasar afirmatif di Malaysia. Tulisan Muhammed juga mengundang jawapan kepada persoalan: Apakah dasar berasaskan etnik masih relevan di Malaysia? Diharapkan lebih ramai lagi penyelidik muda akan mengikuti jejak Muhammed untuk melakukan kajian dan menghasilkan lebih banyak tulisan mengenai gabungan *triple-helix* pemerintah-pasaran-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di Malaysia melalui dasar-dasar baru yang inovatif, efektif dan efisien.

Madeline Berma
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
Email: mac@ukm.edu.my